

JADHBAH MENURUT PEMIKIRAN PENGAMAL TAREKAT
AHMADIYYAH QĀDIRIYYAH DI MALAYSIA

MOHD SHAHRAN BIN ABD GHANI

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

JADHBAH MENURUT PEMIKIRAN PENGAMAL TAREKAT
AHMADIYYAH QĀDIRIYYAH DI MALAYSIA

MOHD SHAHRAN BIN ABD GHANI

Tesis ini dikemukakan sebagai
memenuhi syarat penganugerahan ijazah
Sarjana Falsafah

Fakulti Tamadun Islam
Universiti Teknologi Malaysia

April 2017

DEDIKASI

Dengan Nama Allah SWT, Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani
Segala pujian bagi Allah SWT, Tuhan Sekelian Alam Selawat dan Salam ke atas
junjungan Nabi Muhammad SAW.

Sekalung budi buat ibunda yang dikasihi Puan Siti Aminah binti Masnan dan
ayahnda Hj. Abd Ghani bin Rentah, segala usahamu untuk menasihati anakanda akan
sentiasa menjadi ingatan anakanda sepanjang hayat

Secangkir kasih buat isteri tersayang Dr. Norkhairolizah binti Hamzah, moga-
moga segala kesabaran dan dugaan yang Allah SWT, anugerahkan kepada kita akan
menjadi penajam makrifat kita kepada Allah Taala.

Sekalung budi buat anak-anak, Asiyah Syarifah, Rabeatul Husna, Thariq
Mukhtar, semoga kalian menjejaki langkah orang-orang yang Tuhan curahkan
rahmat.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada penyelia tesis, Prof. Madya Dr. Ahmad Kilan @ Kilani bin Mohamed atas bimbingan dan dorongan yang diberikan sepanjang tempoh pengkajian.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada Dr. Othman bin Napih selaku penyelia asal di atas nasihat, bimbingan dan dorongan yang diberikan. Sepanjang tempoh pengajian, banyak imput dan maklumat yang diperolehi daripada beliau.

Kerjasama daripada pihak Madrasah Nurul Iman dan warga Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* dan Madrasah Nurul Iman amatlah di hargai.

Penghargaan ini juga ditujukan khas kepada Syeikh Zulkiflee bin Kassim atas tunjuk ajar dalam memahami selok-belok tarekat dan Tasawuf.

Penghargaan juga ditujukan kepada para pensyarah Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia dan semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung membantu menjayakan projek pengkajian ini.

ABSTRAK

Institusi tarekat berperan sebagai organisasi untuk melaksanakan konsep-konsep yang terdapat dalam ilmu tasawuf Islam antaranya berkaitan dengan *jadhbah*. Ulama tasawuf telah membincangkan *jadhbah* dan *majdhūb* dari segi definisi, dalil, dan kesan berlakunya *jadhbah*. Kajian bertujuan untuk mengenalpasti konsep *jadhbah*, *majdhūb*, syeikh tarekat yang dianugerah *jadhbah* dan menilai perlaksanaannya dalam Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* di Malaysia. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melibatkan instrumen temubual mendalam separa struktur dan analisis dokumen. Seramai enam orang pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* dipilih sebagai responden untuk memperolehi data primer manakala dokumen berkaitan Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* dianalisis untuk memperolehi data sekunder. Hasil kajian mendapati bahawa konsep *jadhbah* menurut pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* adalah bertepatan dengan konsep *jadhbah* yang dibincang oleh ulama dan pengkaji tasawuf. Syeikh tarekat tanpa *jadhbah* digelar mursyid, hanya berpangkat nafsu *rāḍiah* dan sekadar mampu memimpin muridnya mencapai nafsu *mutmai'annah*, manakala syeikh tarekat yang dianugerah *jadhbah* digelar murabbi, berpangkat nafsu *marḍiyyah* atau *kāmilah* dan mampu memimpin muridnya hingga sampai ke peringkat paling tinggi iaitu nafsu *kāmilah* dan *quṭbul gawth*. Syeikh tarekat yang dianugerahkan *jadhbah* mempunyai dua salasilah iaitu *zāhiriyyah* dan *'uwaisiyyah*. Kajian ini memberi implikasi konsep syeikh murabbi yang melibatkan kriteria dan proses yang perlu dilalui oleh pimpinan seorang syeikh tarekat yang dianugerahkan *jadhbah*.

ABSTRACT

Tarekat is an organisation where the concepts related to Islamic Tasawuf are contextualised and one of these concepts is *jadhbah*. Tasawuf scholars have discussed on *jadhbah* and *majdhūb* in terms of their definition, evidence and the implications of *jadhbah*. This study aims to identify the meaning of the concepts of *jadhbah*, *majdhūb* and *majdhūb Sheikhs* while evaluating their implementation by Tarekat *Ahmadiyah Qādiriyyah* followers in Malaysia. Qualitative research methods were adopted using semi-structured interviews as well as document analyses as main instruments to obtain data. Six participants from Tarekat *Ahmadiyah Qādiriyyah* were selected to acquire the primary data; and important documents related to Tarekat *Ahmadiyah Qādiriyyah* were analysed as secondary data. The results show that the concepts of *jadhbah* according to Tarekat *Ahmadiyah Qādiriyyah* followers are in line with the view of *jadhbah* advocated by *al-Kashāni*. The tarekat Sheikhs who are not *majdhūb* and addressed as 'mursyid' have usually reached the level of *nafs-al-raḍiah* and are thus qualified to lead his disciples to reach only to the level of *nafs-al-muthma'innah*. On the other hand, the tarekat Sheikhs who are *majdhūb* and are addressed as 'murabbi' have normally reached the highest level that is *nafs-al-marḍiyyah* or *nafs-al-kāmilah* and they are qualified to guide their followers to the highest achievement which is *nafs-al-marḍiyyah* or *nafs-al-kāmilah* and even *quṭb al-gawth*. The lineage (sanad) of the tarekat *Sheikh* who is given the title of *majdhūb* can be traced back to both the *zāhiriyyah* as well as the *'uwaisiyyah* lineages. This study implies that there are specific criteria and processes which a murabbi sheikh will need to go through in order to be granted the title of *jadhbah*.

KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	Pengakuan	ii
	Dedikasi	iii
	Penghargaan	iv
	Abstrak	v
	Abstract	vi
	Kandungan	vii
	Senarai Jadual	xiii
	Senarai Rajah	xiv
	Senarai Singkatan	xv
	Senarai Lampiran	xvi
1	Pengenalan	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar belakang Masalah	2
	1.3 Penyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Kepentingan Kajian	6
	1.7 Skop Kajian	7
	1.8 Definisi Istilah	7
	1.8.1 <i>Jadhbah</i>	8
	1.8.2 Pemikiran	9

	1.8.3	Pengamal Tarekat	9
	1.8.4	Tarekat <i>Ahmadiyyah</i>	10
	1.8.5	Tarekat <i>Qādiriyyah</i>	10
	1.8.6	Tarekat <i>Ahmadiyyah Qādiriyyah</i>	10
	1.8.7	Kesimpulan	11
2		Sorotan Kajian	12
	2.1	Pengenalan	12
	2.2	Definisi Tasawuf Dan Perkembangan	12
	2.3	Kritikan Terhadap Tasawuf	15
	2.4	Kesukaran Mengkaji Tasawuf	16
	2.5	Definisi Tarekat Dalam Ilmu Tasawuf Dan Perkembangannya	17
	2.6	Elemen Guru, Murid, Salasilah Dan Amalan Dalam Institusi Tarekat	19
	2.7	Definisi <i>Jadhbah</i>	24
	2.7.1	Dalil <i>Jadhbah</i>	26
	2.8	Definisi <i>Majdhūb</i>	27
	2.8.1	Pembahagian Ahli Sufi Dan Kaitannya Dengan <i>Jadhbah</i> Dan Suluk	31
	2.9	Penjelasan Beberapa Konsep Lain Dalam Ilmu Tasawuf	34
	2.9.1	Fana	34
	2.9.2	<i>Ghaibah</i>	35
	2.9.3	<i>Wajd</i>	36
	2.9.4	<i>Sukr</i>	36
	2.9.5	Kasyaf	37
	2.9.6	<i>Dhawq</i>	38
	2.9.7	<i>Wārid</i> Dan <i>Khawāṭir</i>	38
	2.10	Kesimpulan	39

3	Metodologi Kajian	41
	3.1 Pengenalan	41
	3.2 Reka Bentuk Kajian	42
	3.3 Instrumen Kajian	43
	3.3.1 Temu Bual Separa Struktur	44
	3.3.2 Analisis Dokumen	45
	3.4 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	46
	3.4.1 Kesahan Dan Kebolehpercayaan Temu Bual	47
	3.5 Kajian Rintis	51
	3.5.1 Laporan Kajian Rintis	52
	3.6 Populasi Dan Sampel	54
	3.7 Pengumpulan Data	55
	3.8 Analisis Data Kualitatif	57
	3.9 Kesimpulan	59
4	Analisis Data	60
	4.1 Pengenalan	60
	4.2 Latarbelakang Partisipan	61
	4.3 <i>Jadhbah</i> (Persoalan Kajian)	63
	4.3.1 Definisi <i>Jadhbah</i> Menurut Pengamal Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	64
	4.3.2 Dalil <i>Jadhbah</i> Dalam al-Quran	72
	4.3.2.1 Konsep <i>Ikhtiar</i> Dalam al-Qur'an	72
	4.3.2.2 Konsep <i>jadhbah</i> Dalam al-Quran	74
	4.3.2.3 Konsep <i>Fadl</i> Dalam al-Qur'an	79
	4.3.3 Perbezaan Antara <i>Jadhbah</i> , Fana Dan Kasyaf	

	(Terbuka Hijab)	87
4.3.4	Fakta Berkaitan <i>Jadhbah</i>	95
4.3.4.1	Siapa Yang Layak Mendapat <i>Jadhbah</i> ?	96
4.3.4.2	Adakah <i>Jadhbah</i> Satu Anugerah Atau Usaha?	98
4.3.4.3	Perbezaan Syeikh Tarekat Yang Murabbi Dan Mursyid Serta Kaitannya Dengan <i>Jadhbah</i> .	101
4.4	<i>Majdhūb</i> (Persoalan Kajian)	108
4.4.1	Definisi <i>Majdhūb</i> Dan <i>Sālik</i> Dan Menurut Pengamal Tarekat <i>Ahmadiyyah Qādiriyyah</i>	109
4.4.2	Jenis <i>Majdhūb</i> Dan <i>Sālik</i> Serta <i>Majdhūb</i> Yang Tersungkur	115
4.4.3	Bukan Semua Wali Allah SWT Adalah <i>Majdhūb</i> dan Bagaimana Mengesan Seorang Itu Adalah Seorang <i>Majdhūb</i>	124
4.5	Pengenalan Sejarah Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i> (Persoalan Kajian)	131
4.5.1	Pengasas Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qadiriyyah</i>	132
4.5.1.1	Mujahadah Berlapar Dan Berselawat SMAR	135
4.5.1.2	Berkhalwat Dan <i>Uzlah</i> SMAR	140
4.5.1.3	SMAR Seorang <i>Sālik</i> Dan <i>Majdhūb</i> Dan Kasyaf (Terbuka Hijab)	145
4.5.2	Pengasasan Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i> Dan Latarbelakang	

	Penubuhannya	150
4.5.3	Amalan Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	155
4.5.3.1	Wirid Syeikh Ismail Lundang Paku Dan Selawat Dalam Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	155
4.5.3.2	Amalan Istigfar Dan Istigfar Syeikh Mahmud Dalam Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	156
4.5.3.3	Khalwat Dalam Tarekat <i>Ahmadiyyah Qādiriyyah</i>	157
4.5.3.4	Amalan Surah <i>Sād</i> , Qasidah <i>Rijālullah</i> Dan wirid “ <i>kaf</i> ”	158
4.5.4	Salasilah <i>Zāhiriyyah</i> Dan <i>’Uwaisiyyah</i> Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	158
4.6	Kesimpulan	172
5	Rumusan, Perbincangan Dan Cadangan	
5.1	Pendahuluan	174
5.2	Perbincangan Dan Rumusan Dapatan kajian	174
5.3	Definisi <i>Jadhbah</i> Menurut Pengamal Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	175
5.3.1	Perbezaan <i>Jadhbah</i> , Fana Dan Kasyaf (Terbuka Hijab)	176
5.3.2	Siapa Yang Layak Mendapat <i>Jadhbah</i>	178
5.3.3	Dalil al-Quran Tentang <i>Jadhbah</i>	179
5.3.3.1	Konsep <i>Istifā’</i> “اصطفاء”, Ikhtiār “اختيار” Dan <i>Faḍl</i>	

	“فضل” Dalam Al-Quran	179
5.3.4	Perbezaan Syeikh Murabbi Dan Syeikh Mursyid	182
5.3.5	Jenis <i>Jadhbah</i> Dan <i>Jadhbah</i> Yang Terangkat	183
5.4	Definisi <i>Majdhūb</i> Dan <i>Sālik</i> Menurut Pengamal Tarekat <i>Ahmadiyyah Qādiriyyah</i> Dan Pembahagian <i>Majdhūb</i> .	186
5.4.1	Adakah Semua Wali Allah SWT <i>Majdhūb</i> Dan Bagaimana untuk Mengesan Seorang <i>Majdhūb</i>	188
5.5	Konsep Syeikh Tarekat Yang Dikurniakan <i>Jadhbah</i> Menurut Pemikiran Pengamal Tarekat <i>Ahmadiyyah Qādiriyyah</i>	189
5.5.1	Konsep Syeikh Murabbi	190
5.5.2	Peranan Syeikh Murabbi Dalam Tarbiah Dan Kepimpinan	191
5.5.3	Kepentingan Syeikh Murabbi Dan Kaitannya Dengan Isu Kepupusan Syeikh Yang Berkelayakan Memimpin.	193
5.5.4	Salasilah <i>Zāhiriyyah</i> Dan Salasilah <i>’Uwaisiyyah</i>	194
5.6	Cadangan	196
	Rujukan	198
	Lampiran A – U	206

SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	HALAMAN
3.1	Item Soalan Temu Bual	45
3.2	Senarai Pakar	49
4.1	Maklumat Partisipan	62
4.2	Konsep Jadhbah Yang Ditemui Dalam al-Quran	72
4.3	Perbezaan <i>Jadhbah</i> Dan Fana	88
4.4	Perbezaan <i>Jadhbah</i> Dan Kasyaf (Terbuka Hijab)	92
4.5	<i>Jadhbah</i> Adalah Anugerah Allah	100
4.6	Perbezaan Guru Murabbi Dan Mursyid	102
4.7	Definisi <i>Majdhūb</i>	109
4.8	Jenis <i>Majdhūb</i>	115
4.9	Punca <i>Jadhbah</i> Ditarik balik	120
4.10	Cara Pengesanan Seorang Yang Dianggap <i>Majdhūb</i>	128
4.11	Uzlah Dan Khalwat SMAR	140

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	HALAMAN
3.1	Carta Alir Tatacara Menjalankan Kajian	43
3.2	Sistem Koding Temu bual	58
3.3	Sistem Koding Buku	58
3.4	Sistem Koding Teks Syarahan	59
4.1	Dapatan Kajian Persoalan Kajian Pertama	63
4.2	Kedudukan Guru Murabbi Dan Guru Mursyid	105
4.3	Jawapan Dapatan Kajian Persoalan Kajian Kedua	108
4.4	Jawapan Dapatan Kajian Persoalan Kajian Ketiga	131
4.5	Susur Galur Salasilah Zāhiriyyah Tarekat <i>Ahmadiyyah Qādiriyyah</i>	164
5.1	Konsep Tarekat Syekh Tarekat Yang Dianugerahkan <i>Jadhbah</i>	190

SENARAI SINGKATAN

SMAR - Syeikh Mahmud bin Abd Rahman

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	HALAMAN
A	Surat tawaran menyambung pelajaran di UTM	202
B	Undang-undang TAQ	208
C	Bacaan wirid Syeikh Ismail Lundang Paku	209
D	Wirid selepas sembahyang zuhur	211
E	Wirid selepas sembahyang asar	212
F	Wirid selepas sembahyang isyak	213
G	Selawat <i>ummī</i>	214
H	Amalan Istigfar TAQ	215
I	Doa istigfar	216
J	Qasidah <i>rijālullah</i>	217
K	Amalan wirid “ <i>kaf</i> ”	222
L	Sanad Zahiriyyah Tarekat <i>Ahmadiyyah</i> <i>Qādiriyyah</i>	223
M	Dokumen D1BK 2009	225

N	Dokumen D2BK 2004	226
O	Dokumen D3BK 2011	227
P	Dokumen D4TSSM 2004	228
Q	Dokumen D5TSSM 2007	229
R	Dokumen D6TSSM 2007	230
S	Dokumen D7TSSM 2003	231
T	Borang butiran temubual bersama pakar	232
U	Soalan temubual	241
V	Borang perakuan butiran temubual	243

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Islam adalah agama samawi yang memiliki pengajaran yang sangat lengkap. Islam diturunkan sebagai cara hidup dan jalan penyelesaian hingga tiada satu perkara dalam kehidupan manusia yang tidak diselesaikan oleh Islam. Kesempurnaan Islam berasaskan al-Quran, al-Sunnah dan ijtihad sebagai pelengkap. Agama Islam terdiri daripada tiga unsur utama iaitu akidah, syariat dan akhlak. Tiga unsur utama ini juga berasal dari pada tiga kerangka dasar Islam iaitu iman, Islam dan ihsan berdasarkan hadis Jibril. Daripada konsep iman, maka munculnya ilmu akidah. Dari konsep islam, maka munculnya ilmu syariah. Dari konsep akhlak, munculnya ilmu akhlak. Dari ilmu akhlak, para ulama telah mengembangkan ilmu akhlak kepada ilmu tasawuf dan institusi tarekat. Ilmu tasawuf adalah satu bidang ilmu yang menghimpunkan delegasi gagasan idena kerohanian, manakala institusi tarekat adalah bidang ilmu organisasi yang menjadi tempat perlaksanaan segala gagasan idea kerohanian yang terkandung dalam ilmu tasawuf. Ilmu tasawuf dan institusi tarekat adalah dua ilmu yang sangat besar peranannya dalam Islam.

Dr. Muhammad Abdullah al-Sharqāwī (t.t) menyatakan bahawa ilmu tasawuf Islam adalah satu gagasan idea laluan suluk yang diterokai oleh seorang muslim mukmin sufi untuk menuju kepada Allah SWT yang mana sumber konsep-konsep dalam ilmu tasawuf Islam yang tulen adalah berasaskan al-Quran dan kehidupan Rasulullah s.a.w. oleh itu, jika seorang muslim ingin memahami lebih mendalam tentang gagasan idea kerohanian yang terkandung dalam ilmu tasawuf islam, mereka perlu menyertai mana-mana tarekat tasawuf, kerana mereka akan melalui gagasan idea kerohanian tersebut dibawah pimpinan seorang syeikh tarekat. Diantara gagasan idea kerohanian ialah makrifah kepada Allah SWT dan mencapai maqam insan Kamil. Untuk mencapai kedua-dua gagasan kerohanian, para ahli sufi menjadikan institusi tarekat sebagai medan untuk mencapai contoh gagasan idea kerohanian tersebut. Setiap tarekat juga mempunyai undang-undangnya tersendiri yang harus dipatuhi oleh pengamal tarekat tidak kira sama ada mursyid sesebuah tarekat atau muridnya.

1.2 Latar belakang Masalah

Setiap konsep kerohanian yang terkandung dalam ilmu tasawuf perlulah dijelaskan dalam bentuk pelaksanaan, oleh itu institusi tarekat dalam ilmu tasawuf berperanan membangunkan segala gagasan idea kerohanian Islam dalam bentuk pelaksanaan. Contohnya konsep zikir ismu zat dalam ilmu tasawuf, ianya telah dilaksanakan secara meluas dalam institusi tarekat dan telah dikaji pelaksanaannya oleh Syed Hadzrullathfi Syed Omar (2010) diperingkat pengajian doktor falsafah. Begitu juga konsep suluk dan *sālik* dalam ilmu tasawuf, konsep ini telah dilaksanakan secara jelas dalam institusi tarekat dimana sesiapa sahaja yang telah berbaiah dengan seorang syeikh tarekat, maka dia adalah seorang salik yang akan menempuh jalan kerohanian dibawah pimpinan syeikh tersebut . Malah terdapat satu kajian tentang konsep salik diperingkat sarjana yang telah dilakukan oleh Abdul Manam Mohammad (1994) yang berjudul *Sālik Dalam Tarekat Naqsyabandi*.

Jadhbah adalah salah satu konsep gagasan idea kerohanian dalam ilmu tasawuf. Terdapat para ulama tasawuf yang telah mendefinisikan *jadhbah* di antaranya Syeikh Aṭā'illāh Al-Sakandar (t.t) dalam kitabnya al-Hikam. Syeikh Ahmad bin Muhammad bin 'Ajbah al-Hasanī (t.t) juga membahaskan tentang *jadhbah* ketika mensyarahkan kitab al-Hikam. Begitu juga Al-Kāshānī (1996) telah mendefinisikan *jadhbah* dalam buku beliau yang berjudul “*Mu'jam al-Muṣṭalahāt al-Sūfiyyah*”. Muhammad bin Ali al al-Fāruqī At-Tahanuwī (1963) juga telah mendefinisikan dalam buku beliau berjudul *Kasf Istilāhāt al-Funūn*. Dr. Abdul Bāri Muhammad Dawud (1998) telah mendefinisikan dalam buku beliau bertajuk “*al-Fana 'Inda Sūfiyyah al-Muslimīn Wa al-'Aqa'id al-Ukhra Dirāsatan Muqāaranatan*”. Dr. Abdul Manam Mohammad (2008) juga telah membahaskan isu *jadhbah* dalam artikel beliau bertajuk “*Sālik dan Majdhūb Dari Perspektif Ilmu Tasawuf*”. Dr. Fayṣal 'Awn (2012) juga telah membahaskan isu *jadhbah* dalam ilmu dalam buku yang berjudul “*Mausu'ah at-Tasawuf al-Islami* terbitan *al-Majlis al-A'lā Li Shu'ūn Islāmiyyah*. Jahid Sidek (1994) dalam kajian Phd beliau telah meletakkan bahawa seorang syeikh yang memimpin sebuah tarekat perlu mempunyai pengalaman mengharungi lautan *jadhbah*.

Sekalipun *jadhbah* telah mendapat perhatian khusus dikalangan Ulama dan pengkaji ilmu tasawuf dan tarekat, namun ianya hanya menjelaskan definisi konsep sahaja, namun dari sudut konsep pelaksanaan secara menyeluruh dan kesan *jadhbah* pada seorang sufi, syeikh, pengamal tarekat dan peranan *jadhbah* dalam institusi tarekat belum dijelaskan secara sistematik dalam bentuk penyelidikan sama ada diperingkat sarjana atau Phd untuk mengenalpasti sejauhmana *jadhbah* itu berfungsi dalam institusi tarekat. Oleh itu satu kajian sistematik diperlukan untuk membolehkan para ulama tasawuf dan tarekat, pengamal tarekat dan masyarakat Islam secara umumnya mendapat gambaran yang lebih jelas tentang konsep *jadhbah* dalam ilmu tasawuf dan pelaksanaannya dalam institusi tarekat, bagaimana keadaan seorang yang telah memperolehi *jadhbah*, adakah terdapat perbezaan seorang sufi, pengamal tarekat dan syeikh tarekat yang mempunyai *jadhbah* dan tidak mempunyai *jadhbah*. Langkah ini amat bersesuaian dengan institusi tarekat sebagai satu organisasi tasawuf Islam yang berperanan mengembangkan konsep-konsep kerohanian dalam ilmu tasawuf Islam.

1.3 Penyataan Masalah

Di Malaysia, isu *jadhbah* mula timbul semasa Syeikh Muhammad Said bin Jamaludin al-Linggi, anak murid kepada Syeikh Muhammad bin Ahmad Al-Dandarāwī sedang memimpin tarekat Ahmadiyyah di Kelantan. Dalam catatan Wan Mohd Shaghir Abdullah (2002), pada ketika itu terdapat dikalangan anak murid beliau yang mengalami *jadhbah*, lalu timbul kekeliruan di kalangan masyarakat pada ketika itu, sebahagian masyarakat menyokong dan sebahagian yang lain membangkang. Bagi meredakan keadaan, Raja Kelantan pada ketika itu menulis surat kepada Tuan Guru Haji Wan Ahmad Bin Muhammad Zin al-Fathani untuk mendapatkan penjelasan tentang konsep *jadhbah* menurut ilmu tasawuf. Jawapan Tuan Guru Haji Wan Ahmad bin Muhammad al-Fatani tentang isu *jadhbah* dicatat dalam al-Fatāwā al-Faṭāniyyah jilid ketiga (Wan Mohdd Shaghir Abdullah, 2002).

Ketika SMAR menghadiri satu perjumpaan bersama Ahli *Jilsah al-Ṭuruq al-Sūfiyyah* Negeri Sembilan yang terdiri daripada Dato' Hj.Mohd Murtadza bin Hj. Ahmad, Mufti Kerajaan Negeri Sembilan pada ketika itu, Dato' Hj. Mohd Yusof bin Hj Ahmad, Timbalan Mufti Negeri Sembilan pada ketika itu, Dr Abdul Manam bin Mohammad, Pensyarah di Fakulti Ilmu-Ilmu Kontemperori Universiti Sultan Zainal Abidin, Dr. Jahid bin Hj Sidek, beliau diminta untuk membentangkan amalan tarekat yang dipimpin olehnya kepada Ahli *Jilsah al-Ṭuruq al-Sūfiyyah* Negeri Sembilan (Madrasah Nurul Iman, 2008). Timbul isu yang berkaitan dengan *jadhbah* dan *majdhūb* dimana beliau menyatakan beliau adalah seorang *majdhūb* dan gurunya Syeikh Said bin Hasan juga seorang *majdhūb* (Madrasah Nurul Iman, 2008). Maka berlaku sedikit perbezaan pendapat yang membayangkan seorang yang *majdhūb* mempunyai kaedahnya tersendiri dalam pengamalan dan pengajaran tarekat. Diantaranya persoalan yang timbul ialah, (a) SMAR telah memimpin tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* yang diasaskan oleh Syeikh Ahmad bin Idris, namun apabila disemak dari sudut amalan wiridnya, ianya tidak menunjukkan amalan tarekat Ahmadiyyah yang masyhur, oleh itu mengapa tarekat ini disebut *Ahmadiyyah*?, lalu SMAR menjelaskan bahawa seorang yang syeikh yang *majdhūb* tidak terikat dengan amalan yang telah diasaskan oleh pengasas asal tarekat tersebut. Syeikh tarekat yang memperolehi *jadhbah* boleh memimpin murid dengan amalan,

riadah dan mujahadah yang telah dipraktikkan oleh diri mereka sendiri sekalipun amalan, riadah dan mujahadah itu tidak sama dengan pengasas asal sesuatu tarekat , (b) persoalan seterusnya yang timbul ialah amalan baiyah dan talkin zikir dalam tarekat *Ahmadiyyah* yang dipimpin oleh SMAR tidak dilaksanakan, sedangkan tarekat *Ahmadiyyah* Idrisiyyah yang diamal di seluruh Negeri Sembilan masih dilaksanakan, maka dalam penjelasan SMAR, beliau menjelaskan baiyah yang dilaksanakan dalam tarekat *Ahmadiyyah* pimpinan beliau hanya cukup murid itu mendampingi syeikhnya dan syeikh memantau cara murid tersebut bersuluk, (c) persoalan yang seterusnya timbul ialah pihak Ahli *Jilsah Turuq Sūfiyyah* Negeri Sembilan meminta bukti ijazah secara bertulis diantara SMAR dan gurunya Syeikh Said bin Hasan, namun dalam penjelasan SMAR, bentuk ijazah bagi seorang *majdhūb* hanya berdamping, tidak secara bertulis (Madrasah Nurul Iman, 2008). Pengkaji merasakan perlu dijalankan satu kajian untuk menjawab persoalan tentang konsep *jadhbah* yang dipraktikkan pelaksanaan dalam Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* dibawah pimpinan SMAR untuk menjadi satu pembuka tirai kepada konsep *jadhbah* yang dilaksanakan dalam tarekat tasawuf di Malaysia atau di luar negara.

1.4 Persoalan Kajian

- I. Apakah konsep *jadhbah* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*?
- II. Apakah konsep *majdhūb* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*?
- III. Apakah konsep syeikh tarekat yang dianugerahkan *jadhbah* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*?

1.5 Objektif Kajian

- I. Mengenalpasti konsep *jadhbah* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*.
- II. Mengenalpasti konsep *majdhūb* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*.
- III. Menilai pelaksanaan konsep *jadhbah*, *majdhūb*, dan syeikh tarekat yang dianugerah *jadhbah* dalam Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*.

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertitik tolak daripada minat pengkaji untuk meneliti sikap SMAR yang secara terbuka menyatakan bahawa beliau seorang *majdhūb* dan guru beliau Syeikh Said bin Hasan adalah seorang *majdhūb*. Sikap penegasan SMAR terhadap *jadhbah* dalam kepimpinan beliau dalam institusi tarekat mendorong pengkaji untuk mengkaji lebih mendalam tentang konsep *jadhbah* dalam ilmu tasawuf dan *jadhbah* yang difahami oleh murid-murid SMAR selaku pengamal kepada Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*. Selaku pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*, sudah tentu mereka mengetahui guru mereka SMAR adalah seorang *majdhūb*, oleh itu mereka sangat mahir tentang konsep tarekat dibawah pimpinan seorang syeikh yang dianugerahkan *jadhbah*. oleh itu secara sistematik, kajian ini akan dapat membezakan syeikh tarekat dengan dianugerahkan *jadhbah* dan yang tidak dianugerahkan *jadhbah*. kajian ini juga akan mampu membezakan ciri-ciri tarekat yang dipimpin oleh seorang *majdhūb* dan yang bukan *majdhūb*. Kajian juga akan menjelaskan peranan dan kewibawaan seorang syeikh yang *majdhūb* dan syeikh yang bukan *majdhūb* agar dapat memberi jalan penyelesaian mengapa institusi tarekat pada hari ini tidak lagi mampu melahirkan seorang sufi yang berwibawa dan mempunyai kerohanian yang tinggi sebagaimana sufi-sufi terdahulu seperti Syeikh Junid al-Bagdādi, Abu Yazid al-Bustāmi, Ibrahim Adham, Hasan al-Basri. Institusi

tarekat pada hari ini seolah-olah telah hilang taringnya sebagai satu institusi yang dipandang tinggi oleh pihak berkuasa agama, malah bila disebut sahaja tarekat, akan terpalit dengan ajaran sesat. Oleh itu kajian ini diharapkan akan menghasilkan satu konsep tarekat yang dipimpin seorang syeikh yang *majdhūb* yang benar-benar berwibawa dan mampu melahirkan ahli sufi yang tinggi kerohaniannya.

1.7 Skop Kajian

Kutipan data kajian telah melibatkan 6 orang partisipan yang beramal dengan Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* di Malaysia. Pengkajian ini dijalankan di tiga cawangan pusat amalan Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* iaitu (i) 2 partisipan dari Madrasah Nurul Iman di Pekan Batu Lima Sik Kedah, (ii) 2 partisipan dari Madrasah Nurul Iman di Batu 14 Hulu Langat Selangor, (iii) 2 partisipan dari Madrasah Nurul Iman Kampung Baru Sungai Mas Kota Tinggi Johor. Pengkajian ini tertumpu kepada pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* yang berkunjung ke tiga-tiga cawangan Madrasah Nurul Iman untuk menjalankan aktiviti mereka. Mereka terdiri daripada kelompok masyarakat dari pelbagai latar belakang pendidikan yang berbeza, samada rendah atau tinggi.

1.8 Definisi Istilah

Bahagian ini akan mendefinisikan secara terperinci maksud pengkajian ini agar pembaca mendapat gambaran yang tepat mengenainya. Tajuk pengkajian ini adalah:

“*Jadhbah* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* Di Malaysia”

Ruangan berikutnya disertakan beberapa istilah penting yang digunakan dalam pengkajian ini.

1.8.1 *Jadhbah*

Jadhbah ialah pengawasan atau penjagaan ketuhanan “العناية الإلهية” yang mendorong seorang hamba hanya dengan “عين القرب” masa yang singkat dapat menyelesaikan mujahadah dan mencapai segala “منازل” *manāzīl* dan *maqāmāt* (pangkat-pangkat kerohanian) dalam menuju kepada tuhan tanpa bersusah payah dan bekerja keras “من غير مشقة و مجاهدة” (Fayṣal ‘Awn, 2012, al-Kāshānī, 1992, al-Kāshānī, 1999). Perbincangan yang mendalam tentang *jadhbah* akan dibuat pada unit 2.8 pada bab dua.

1.8.2 Pemikiran

Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), pemikiran bermaksud cara atau hal memikirkan sesuatu. Perkataan “*pemikiran*” adalah kata terbitan berasal dari kata “fikir” yang bermaksud ingatan, angan-angan dan akal. Pemikiran pula memberi maksud perihal berfikir iaitu cara menyelesaikan masalah dengan menggunakan daya imaginasi sehingga dapat menghasilkan pelbagai pendekatan

yang luar biasa tetapi berkesan (Kamus Dewan, 2005). Menurut Edward De Bono (2003) bahawa pendekatan pemikiran terbentuk berdasarkan kepada empat elemen iaitu, (a) analisis, (b) penilaian, (c) hujah dan (b) kritikan. Kajian ini bertujuan untuk meneroka analisis atau penilaian atau hujah pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* terhadap konsep *jadhbah*.

1.8.3 Pengamal Tarekat

Menurut kamus dewan edisi keempat (2005), pengamal bermaksud orang yang mengamalkan sesuatu ilmu atau fahaman. Pengamal juga boleh bermaksud yang bergiat dalam satu bidang pekerjaan. Pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* merujuk kepada murid-murid SMAR. Murid adalah seorang salik yang telah membebaskan dirinya dari nafsu sendiri dan sedang menuju ke arah patuh dengan segala syariat Allah Taala (M. syafiq Humaisi, 2012). Murid juga bermaksud seorang yang telah dan sedang menghadapi pelbagai cubaan hawa nafsunya sendiri dan sedang memasuki ke dalam kelompok orang-orang yang mencah tuhan (H. Abu abakr Aceh, 1985). Murid juga disebut sebagai pengamal atau pengikut sesebuah tarekat kerana mereka adalah golongan mencari ilmu pengetahuan dan petunjuk dalam amal ibadahnya (Khalili AlBanar, I. Hanafi R.t.t). Partisipan dalam kajian ini adalah dikalangan pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* yang juga murid kepada pengasas Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* iaitu SMAR.

1.8.4 Tarekat *Ahmadiyyah*

Tarekat *Ahmadiyyah* merujuk kepada Tarekat *Ahmadiyyah* yang di asaskan oleh Sayyidi Ahmad Bin Idrīs. Tarekat ini telah disebar di Tanah Melayu oleh tiga individu. Pertama Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Salleh yang terkenal dengan gelaran Tuan Tabal, kedua, Syeikh Muhammad Said bin Jamaluddin al-Linggi, Tok Syafei Kedah (Wan Suhaimi Wan Abdulullah Dan Che Zarrina Sa'ari, 2004).

1.8.5 Tarekat *Qādiriyyah*

Tarekat *Qādiriyyah* merujuk kepada tarekat yang di asaskan oleh Syeikh Abdul Qādir al-Jīlānī. Di Tanah Melayu, sanad tarekat ini telah ditemui dalam penulisan Syeikh Abdul Ra'uf bin Ali al-Fansuri (Wan Suhaim Wan Abdulullah Dan Che Zarrina Sa'ari, 2004). Menurut Sulaiman Ibrahim Al-Bārūkhī (2002), Tarekat *Qādiriyyah* di Malaysia telah digabungkan dengan tarekat *Naqshabandiyyah* dan menjadi nama baru iaitu tarekat *Qādiriyyah Naqshabandiyyah* yang diasaskan oleh Syeikh Muhammad Khatīb bin Abdul Ghaffār.

1.8.6 Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah*

Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* merujuk kepada tarekat yang dikaji oleh pengkaji. Tarekat ini diasaskan oleh SMAR. Ianya merupakan gabungan dari Tarekat

Ahmadiyyah yang diasaskan oleh Sayyidi Ahmad bin Idrīs dan *Qādiriyyah* yang diasaskan oleh Syeikh Abdul Qādir Al-Jīlānī (Madrasah Nurul Iman, 2009).

1.8.7 Kesimpulan

Konteks pengkajian ini adalah menghuraikan konsep *jadhbah* menurut pemikiran pengamal Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* yang merupakan murid kepada pengasas Tarekat *Ahmadiyyah Qādiriyyah* dan Madrasah Nurul Iman iaitu SMAR.

Rujukan

- Muhammad bin Ali Al-Tahanuwi al-Hindi. *Kasyf Istilahat al-Funun Wa al-'Ulum*. Edisi pertama
- A.Fauzan Saleh. (2010) Tarekat Dan Reposisi Antara Kelas Bawah- Kelas Menengah. *Jurnal Darussalam*. Volume 11, No.2.
- Abdul Bārī Muhammad Dawud (1998). *Al-Fana 'inda Sufiyyah Al-Muslimīn Wa Al-Aqā'id Al-Ukhrā Dirāsatan Muqāratan*. Edisi pertama. Kaherah: Al-Dar Al-Misriyyah Al-Lubnaniyyah.
- Abdul Hadi. (2011). Tarekat Syeikh Muhammad Arsyad al-Banjari: Telaah Atas Kitab Kanz al-Ma'rifah. *Jurnal AL-BANJARI*. Vol. 10, No. 1: 103–120.
- Abdul Halīm Mahmūd (1991). *Al-Islām Wa Al-Imān*. Edisi pertama. Kaherah: Dar Al-Kutub Al-Misr.
- Abdul Hayei Bin Abdul Shukor (2006). Kasyaf Dalam Ajaran Kaum Sufi. *Jurnal Penyelidikan Islam*. Volume 19: 31-39.
- Abdul Manam (2007). *Salasilah Dalam Tarekat Tasawuf*. Dlm *Penjanaan Tariqat Tasawwuf Dalam Pembangunan Rohani Negara*. Edisi pertama. Jabatan Mufti Negeri Sembilan.
- Abdul Manam bin Mohamad. (1994) Salik dalam tarikat Naqshabandiyyah. Universiti Malaya. Tesis Ijazah Sarjana
- Abdul Manam Mohamad, Salik Dan Majdhub Dari Perspektif Ilmu Tasawuf. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kotemporari*. Volume 1 (2008) 59-69.
- Abdul Razzak Ishak Al-Kāshānī (1992) *Mu'jam Al-Istilāhat Al-Sufiyyah*. Edisi pertama. Kaherah: Dar Manār.
- Abdul Razzak Ishak Al-Kāshānī (1996) *Latā'if al-I'lām Fī 'Ishārāt Ahl al-Ilhām*. Edisi pertama. Kaherah: Maṭba'ah Dār al-Kutub al-Misriyyah Bi al-Qāhirah.
- Agus Riyadi. (2014) Tarekat Sebagai Organisasi Tasawuf (Melacak Peran Tarekat Dalam Perkembangan Dakwah Islamiyah). *Jurnal at-Taqaddum*. Volume 6, Nomor 2.
- Ahmad Al-Sharbāsī (1995) *Yas'alūnaka Fi Al-Din Wa Al-Hayāh*. Edisi pertama. Beirut: Dar Al-Jayl. Jilid I.

- Ajmain@Jimaain Safar (t.t). *Transkrip Temu Bual Panel: Pembinaan Dan Pengesahan Instrumen Pentaksiran Akhlak Sekolah Menengah.*
- al-‘Arif Qāsim bin Salāhuddin al-Khāni al-Hanafī al-Hambalī (2002), *al-Siyaru Wa al-Sulūk ‘Ilā Malik al-Mulūk.* Edisi pertama. Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-A’jamī Abū Zīd dan Al-Shafī’i Hasan (2007) *Fī Al-Tasawuf Al-Islami.* Edisi pertama. Kaherah: Dar Al-Salām.
- Al-Banjari, Muhammad Nafis Idris (2014), *al-Durr al-Nafis.* Cetakan 2. Selangor: al-Hidayah House Of Publishers SDN BHD.
- Al-Barūkhī Sulaiman Ibrahim (2002). *Al-Ṭhuruq Al-Sufiyyah Fi Māliziya Wa Āthāruhā ‘alā Al-Da’wah Al-Islāmiyyah.* Edisi pertama. Negeri Sembilan: Dar Iftā’ Bi Wilāyah Negeri Sembilan.
- Al-Ghazālī Abu Hāmid Muhammad Muhammad (t.t) *Ihya’ Ulumuddin.* Edisi pertama. t.t. Dār al-Fajr. Jilid 1, 2, 3.
- Al-Hasanī Ibnu ‘Ajībah (1999). *Al-Bahr al-Madid Fī Tafsir al-Qur’ān al-Majīd.* Edisi Pertama. Qaherah. Al-Hai’ah al-Misriyyah al-‘Ammah Lil Kitāb. Jilid 3.
- Al-Hasanī Ibnu ‘Ajībah (t.t). *Al-Futuhāt al-‘Ilahiyyah Fī Sharh al-Bāhith al-Aṣliyyah.* Edisi Pertama. Qaherah. Maktabah al-Rifā’ī.
- Al-Jīlānī Abdul Qadir (2009). *Tafsīr al-Jīlāny.* Edisi Pertama. Istanbul. Markaz al-Jīlāny. Vol.2
- Al-Kalābazī Abū Bakar Ishāq (2001). *Al-Ta’aruf Li Madhbab Ahl Al-Tasawuf.* Edisi pertama. Beirut: Dar Al-Kutub Al-Ilmiyyah.
- Al-Kālabazī, Abu Bakar Ishak, *al-Ta’aruf Li Mazhab Ahl Tasawwuf.* Beirut: Darul Kutub al-Ilmiyyah, 1993.
- Al-Laknawī Muhammad Abdul Hay (1988). *Sibāhah Al-Fikr Fī Al-Jahr Bi Al-Zikr.* Edisi keempat. Beirut: Maktabah Al-Maṭbū’ah Al-Islāmiyyah.
- Al-Murākibī Mahmūd, 1996. *Musā Wa al-Khidir ‘Alayhimā al-Salām ‘Ilmay al-Zāhir Wa al-Bātin.* Edisi pertama. Madīnah al-Naṣr. Maṭabi’ Dār al-Tibā’ah Wa al-Nashr al-Islāmiyyah.
- Al-Nīsābūrī Al-Qushayrī Al-Hajjaj Muslim (1993). *Sahīh Muslim.* Edisi pertama. Kaherah: Dar Al-Kutub Ihyā’ Al-Hajjaj Al-Arabiyyah.

- Al-Qīsī Makkī Abū Ṭālib Abu Muhammad (2015). *Al-Hidāyah 'Ilā Bulūg al-Nihāyah*. Edisi pertama. Emirate Arab Bersatu. Jāmi'ah al-Shāriqah, Kuliyyah al-Dirāsah al-'Ulyā Wa al-Bahth al-'Ilmī. Jilid 6.
- Al-Qushayrī Abdul Karīm Hawāzin Abdul Muluk (2007). *Latāif al-'Ishārat*. Edisi Kedua. Beirut. Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Al-Qushayrī Abdul Karīm Hawāzin Abdul Muluk (t.t) *Al-Risālah Al-Qushayriyyah Fī Ilm Al-Tasawwuf*. Edisi kedua. Beirut: Dār Al-Jayl.
- Al-Sha'rānī Abdul Wahhāb Ahmad (1996) *Lawāqih al-Anwār al-Qudsiyyah Fi Ma'rifah Qawa'id al-Sūfiyyah*. Edisi pertama. Beirut. Dār al-Fikr Li al-Tibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Taqzī'
- Al-Sha'rāwī Muhammad Mutawallī, (t.t). *Qasās al-Anbiā'*. Edisi pertama. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah. Jilid 5.
- Al-Sharqāwī Hasan (1987) *Mu'jam Alfāz Al-Sufiyyah*. Edisi pertama. Kaherah: Mu'assasah Mukhtār.
- Al-Zāhid Abī Abdullah Muhammad bin Alī bin al-Hasan al-Hakīm al-Tirmizī (1999) *Khatm al-Awliā'*. Edisi pertama. Beirut. Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Alzani Zulmi M, M. Ali Haidar, Tarekat Qaodariyah Wa Naqsabandiyah Syaikhona Muhammad Kholil Bangkalan, *Journal Pendidikan Sejarah*, Volume 1, No 2, (Mei 2013) 89-99.
- Andy Hadi Yanto, Al Fana' wa Al-Baqa' . *E.jurnal. JiaiOnline-Jakarta, Fakultas Ilmu Sosial*. (t.t).
- Asmaran Asmaran. Tarekat-Tarekat Di Kalimantan Selatan (2013) ('Alawiyyah, Sammāniyyah Dan Tijāniyyah), *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu Keislaman*. Volume 12. No. 2. (Julai 2013) 177-198.
- Awang Abdul Aziz (2001) *Fatwa Mufti Kerajaan*. Edisi pertama. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan Jabatan Perdana Menteri.
- Bodgan, R.C. & Biklen S.K. (2007). "Qualitative Research For Education To Theories and Methods". 5th . Unite States of America: Pearson Education, Inc.
- Che Zarrina Sa'ari (2000) Biografi Shaikh Ahmad b. Idrīs dan Sumbangannya Terhadap Alam Kesufian. *Afkar Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*. 1(1): 33-54.

- Chua Yan Piaw (2006) *Kaedah Pengkajian*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Courtney, W. (1984). *Techniques of research*. Oregon USA: Division of Continuing Education. USA: Oregon State University.
- Damanhuri Basyir. Keesaan Allah Taala Dalam Pemahaman Ilmu Tasawuf, *Jurnal Substantia*. Volume 14, No 1. (April 2012) 45-54.
- Dayang Hajjah Tiawa et. Al (2005). “Aplikasi Perisian NVIVO dalam analisis Data Kualitatif”. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Projek Sarjana Muda.
- Dwiyasmono. (2015). Karya Tari “Solah” Refleksi Nilai-Nilai Budaya Jawa Dalam Kehidupan Kekinian. *Jurnal institut Seni Indonesia Surakarta* . Volume 5. No. 1: 1-98.
- Edward De Bono.(2003) *Belajar Berfikir*. (terj.), Kuala Lumpur. Edisi 1. Golden Books Centre.
- Fathiyah Mohd Fakhrudin & Asmawati Suhid. (2016). Proses Murabatah Al-Nafs Menurut Perspektif Al-Ghazali Bagi Membangunkan Individu Seimbang Dan Holistik. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)*. Volume 2(2): 173-187.
- Fayṣal ‘Awni (2012) *Jadhbah* . Dalam Mahmūd Hamdī Zaquzuq et. al. *Mausu’ah Al-Tasawuf Al-Islami*. Kaherah: Darul Kutub Al-Misriah.
- Gay,L.R, Mills, G.E dan Airasian, P (2006). *Educational Research Competencies For Analysis And Applications*. New Jersey: Pearson.
- Glance, C. (2006). “Becoming Qualitative Researchers. An Introduction”. 3rd ed. United States of America: Pearson Education.
- Glaser, B., Strauss, A., (1977). *The Discovery Of Grounded Theory: Strategies For Qualitative Research*. Chicago. Adeline.
- H. A. Ahmad Fauzan Saleh. (2009). Syekh Muhammad Arsyad Al-Banjari (Biografi dan Faham Tasawufnya). *Jurnal Darussalam*. Volume 8. No.1.
- H. Muzakkir, *Tasawuf Dalam Kehidupan Kontemporari: Perjalanan Neo-Sufisme*. *Jurnal Usuluddin*. Volume 26, Issue 26, (2007) 64-70.

- Hyde, K.F (2000) "Recognising Deductive Process in Qualitative Research". *Qualitative Market Research. An international Journal*. Vol. 3. No. 2. Pp. 82-89.
- Ibnu 'Arabi (1997) *Rasa'il Ibn 'Arabī*. Edisi pertama. Beirut. Dār Ṣādir.
- Ibnu 'Arabi (t.t) *Tafsir Ibn 'Arabī*. Edisi pertama. Beirut. Dār Ṣādir. Jilid 1.
- Ilham Saleh. (2014). Filsafat jiwa dalam al-Quran. *Jurnal Abadiyah*. Vol. XIV. No.1.
- Jahid sidek (1994). *Syeikh Dalam Tarekat*. Universiti Malaya. Tesis Sarjana.
- Kadar Najmiddin. (2016). Pemikiran Keagamaan Tarekat Naqsyabandiyah Di Desa Sukadatang Kecamatan Curup Utara Kabupaten Rejang Lebong. *Jurnal Manthiq*. Vol. 1. No. 1.
- Khotimah Khotimah (2014). Studi Sufisme Thariqah Qadariah wa Naqsabandiyah di Desa Madani Pulau Kijang Reth Indragiri Hilir Riau. *Jurnal Pemikiran Islam*. Vol.39,No.2.
- L. Hidayat Siregar. (2011) Tarekat Naqsabandiyah Syaikh Abdul Wahab Rokan. *Jurnal MIQOT*. Vol. XXXV. No. 1.
- Landis, J.R. & Koch, G.G. 1977. The measurement of observer agreement for categorical data. *Biometrics* 45: 255-268
- Liampotong, P. dan Ezzy, D. (2006). "Qualitative Research method". 2nd ed. London : Oxford university press.
- M. Ali Sibram Malisi. (2012). Tarekat Khalwatiyah. *Jurnal Tasamuh*. Volume 4 Nomor 1:65-72.
- M. Syafiq Humaisi (2012). Transmisi Ilmu Dalam Pendidikan Sufistik. *Jurnal Cendikia*, Volume 1. No. 2. (Desember 2012) 234-243.
- Ma'mun Mu'min, Pergumulan Tarekat Politik:Peranan Kyai Haji Muhammad Shiddiq Dalam Tarekat Dan Politik Kudus. *Jurnal Fikrah*, Vol. 2, No 1. (Jun 2014).
- Madrasah Nurul Iman (2008). *Munakasyah Tarikat Sufi*. Edisi pertama. Selangor: Madrasah Nurul Iman.

- Madrasah Nuruliman (2009) *Syeikh Mahmud Al-Majdhūb* . Edisi pertama. Selangor: Percetakan Pak Sdn Bhd.
- Mahmud Abdul Rahman (2011) *Ruhul Zikri*. Edisi pertama. Thailand: Kota Tauhid Ltd.
- Mahmūd Hamdī Zaquq (2012) *Madkhal Am Haula Maḥmūm Al-Tasawuf Al-Islami*. Dlm. Mahmūd Hamdī Zaquq et. al. *Mausu'ah Al-Tasawuf Al-Islami*. Kaherah: Darul Kutub Al-Misriah.
- Mahmud Saedon awang (1992) *Sejarah Perkembangan Tarekat Tasawuf dan Persoalan Mengenainya*. Edisi. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Marohaini Yusoff. (2001). Pengkajian Kualitatif Pengalaman Kerja Lapangan Kajian Kuala Lumpur: Universiti Malaysia.
- Merriam, S.B. 2001. *Qualitative Research and Case Study Applications in Education*. San Francisco: Jossey-Bass.
- Miles, M.B dan Huberman, A.M (1994). *An Expanded Sourcebook: Qualitative Data Analysis*. 2nd. Thousand Oaks, London dan New Delhi: SAGE Publications.
- Mohd Kamil Abdul Majid (2004). *Tasawuf: Mencari Penyelesaian Dalam Polimik Berterusan Antara Pendokong dan Pengkritik*. Dlm Wan Suhaimi Wan Abdullah dan Che Zarrina Sa'ari. *Tasawuf dan Ummah*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Muh. Rusli Dan Rakhmawati (2014), *Sumbangsih Islam Dalam Menanggulangi Kehampaan Spiritual Masyarakat Modern: Telaah Atas Pemikiran Tasawuf Sayed Husein Nasir*. *Jurnal Farabi*, Volume 11. No 1 (Julai 2014).
- Muhammad (2015). *Tarekat, Maqam Dan Ahwal Dalam Proses Transformasi Menuju Manusia Paripurna*. *Islamic Studies Journal*.Vol. 3.No.2.
- Muhammad Abdullah al-Sharqāwī (ṭ.ṭ). *al-Itihād al-Hadīthah Fī Dirāsāt al-Tasawuf al-Islamī, Maṣadirihu Wa Athāruhu, Tahlīl Wa Naqd*. Edisi pertama. Qaherah: Kulliyah Darul Ulum, Jamiah al-Qahirah.
- Muhammad Rahimi. (2012). *Asbal Dalam Tarekat Naqsyabandiyahdi Kota Pontianak (Khazanah Ritual Sufistik)*. *Jurnal Khatulistiwa Journal Of Islamic Studies*. Volume 2. Nomor 2.

- Norasmah Othman, 2002. Penilaian Program Keusahawan Remaja Di Sekolah Menengah. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Othman Lebar (2009). *Pengkajian Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Metod*. Edisi ketiga. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idrīs.
- R. Rahmawati.(2014). Memahami Ajaran Fana dan Baq. *Jurnal Al-Munzir*.Vol. 7.No.2.
- Rahmadi, Manakib Wali Dan Keramat Menurut Ulama Banjar. *Al-Banjari: Jurnal Ilmiah Ilmu Keislaman*. Volume 5, No 10. (2007).
- Rahmawati. (2014) Memahami Ajaran Fana dan Baqa Dan Ijtihad Dalam Tasawuf. *Jurnal Al-Munzir*. Vol. 7,.No. 2.
- Razi Yaakob, Sumbangan Tok Ku Paloh Dalam Kegiatan Dakwah Dan Pendidikan Di Terengganu Malaysia. *Jurnal Kajian Sejarah & Pendidikan Sejarah*, 2 (2) (September 2014) 217-224.
- Rohaimi Rastam, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Yusri Mohamad Ramli, Analisis Salasilah Tarekat Shaykh Shams al-Din al-Sumatra'i. *International Journal Of Islamic Thought* . Volume 8 (Disember 2015).
- Rohana Hamzah, 2003. *Pengkajian Sains Sosial*. Kuala Lumpur: PTS Publication.
- Sa'īd Khamīsī (2001). *Naẓariyyah Makrifah Inda Ibn ' araby*. Edisi pertama. Kaherah. Dar Al-Fajr Li Al-Nashr Wa Al-Tawzī'.
- Schencul, SL., Shensul, JJ Dan Lecompte, M.D. (1999). *Essential Ethnographic Methods: Ethnographer's Toolkit*. New York: Altamira Press.
- Shawqī Ali Umar (2012). Al-Khalwah. Dlm. Mahmūd Hamdī Dhaqzuq et. al. Al. *Mausu'ah Al-Tasawuf Al-Islami*. Edisi Kedua. Kaherah: Darul Kutub Al-Misriah.
- Silverman, D. (2004). *“Qualitative Research. Theory, Method dan Practice”*. 2nd . London: Sage Publication.
- Siti Zainab. (2008). Dakwah Sufistik (Pendekatan Tasawuf Dalam Dakwah). *Jurnal Studi Agama dan Masyarakat*. Volume 2, Nomor 2.

- Syed Hadzrullathfi Syed Omar. (2010). *Dhikr ism al-dhat dalam tasawuf dan pengamalannya dalam Tarekat Naqshabandiyyah Khalidiyyah di Malaysia*. Universiti Malaya. Tesis Doktor Falsafah.
- Syofyan Hadi. (2015). Kontroversi Doktrin Tarekat dalam Puisi Sufistik Karya Syaikh Isma' il al-Minangkabawi. *Jurnal Al-Turās*: Vol. XXI, No. 1. 146.
- Ṭala'at Jabr Al-Majdalawi (2002). *Mawqif Al-Imam Sayūty Min Al-Ilāhiyyāt Wa Al-Nubuwwah Dirāsatan Wa Naqdan*. Universiti Islam Gaza: Tesis Sarjana.
- Tarekat Sufi Suatu Keperluan Zaman: Sorotan Pandangan Badiuzzaman Said al-Nursi. *Proceedings Of ICIC2015, International Confrence On Empowering Islamic Civilization In the 21st Century*. () 402-418.
- Umar Abdullah Kāmil (2001). *Al-Tasawwuf Baina Al-Ifrāt Wa al-Tafriṭ*. Edisi pertama. Beirut. Dar Ibnu Hazm Li al-Ṭibā'ah Wa al-Nashr Wa al-Tawzi'.
- Wan Mohd Shaghir Abdulullah. (2002). *Al-Fatāwā Al-Faṭāniyyah Syeikh Ahmad Al-Fathani*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniah. Vol. III.
- Wan Suhaimi Wan Abdulullah dan Che Zarrina Sa'ari (2004). *Tasawuf dan Ummah*. Edisi pertama. Kuala Lumpur: Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya.
- Wiersma, W. (1991). *Research Method in Education*. 5th ed. Boston: Allyn & Bacon
- Wiersma, W. (2000). *Research Methods In Education: An introduction*. 7th Ed. . Boston : Allyn&Bacon
- Zahri Mustafa. (1995). *Kunci Memahami Ilmu Tasawuf*. Jakarta. Bina Ilmu.